

KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI TUN HUSSEIN ONN

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL: INDIKATOR PELAJAR CEMERLANG: SATU KAJIAN DI SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT

SESI PENGAJIAN: 2002/2003

Saya ROHAYAH BT ADIMAN (771031-12-5638)
(IIURUF BESAR)

mengaku membenarkan tesis (PSM/Sarjana/Doktor Falsafah)* ini disimpan di Perpustakaan dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis adalah hakmilik Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
2. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. ** Sila tandakan (✓)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi /badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan oleh


(TANDATANGAN PENULIS)


(TANDATANGAN PENYELIA)

Alamat tetap:
NO.309, BLOK A2
PERUMAHAN PDRM, JLN SS6/3,
47301 PETALING JAYA, SELANGOR

EN. ASRI BIN SELAMAT

Nama Penyelia

Tarikh: 24 SEPTEMBER 2003

Tarikh: 24 SEPTEMBER 2003

- CATATAN: *
- * Potong yang tidak berkenaan
 - ** Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD.
- Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan, atau disertasi bagi pengajian secara kerja kursus dan penyelidikan, atau Laporan Projek Sarjana Muda (PSM).

“Saya akui bahawa saya telah membaca karya ini dan pada pandangan saya karya ini adalah memadai dari segi skop dan kualiti untuk tujuan penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional”.

Tandatangan

Nama Penulis

Tarikh


EN. ASRI BIN SELAMAT

24 SEPTEMBER 2003

PTT ALITHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



**INDIKATOR PELAJAR CEMERLANG: SATU KAJIAN DI SEKOLAH
MENENGAH TEKNIK BATU PAHAT**

ROHAYAH BINTI ADIMAN

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER 2003

“Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”.

Tandatangan : 
Nama Penulis : ROHAYAH BINTI ADIMAN
Tarikh : 24 SEPTEMBER 2003



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Istimewa Buat Ayah Dan Emak Yang Tersayang
En. Adiman Bin Sari dan Puan Rukiah Bt. Hj
Abdullah

Segala pengorbanan dan kasih sayang yang
dicurahkan tanpa rasa jemu tidak dapat dibalas
buat selama-lamanya. Semoga Allah s.w.t.
melindungi dan merahmati hidup kalian buat selama-
lamanya

Buat Suami Yang Tercinta
Mohd Khairul Zaman Bin Hj. wahab
Terima Kasih di atas segala dorongan, kasih sayang
dan bantuan yang diberi

Buat Putra dan Puteri kesayangan ibu
Affif Jaziman dan Nur Ain Syafiqah Gelak tawa dan
tagisan kalian menjadi pendorong dan kekuatan ibu

Buat Kakak, dan Adik yang dikasihi
Kakak, K. Aty, K. Ina dan Ucu
Terima kasih di atas segala sokongan dan kasih
sayang yang diberi. Semoga kalian akan terus
berjaya!



PTTAUTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah, dengan rahmat dan keizinan-Nya, serta berkat dan sokongan pelbagai pihak, akhirnya saya dapat menyiapkan dan menyempurnakan projek sarjana ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan ucapan terima kasih kepada penyelia kajian ini, Encik Asri Bin Selamat di atas segala tunjuk ajar dan dorongan yang telah diberikan sepanjang menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa kepada pihak Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat di atas kerjasama yang diberikan dalam menjayakan kajian ini. Ucapan jutaan terima kasih juga ditujukan kepada guru-guru di Jabatan Kejuruteraan Awam dan pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima aliran Kejuruteraan Awam. Tidak dilupakan terima kasih juga kepada semua staf sokongan yang telah memberikan kerjasama yang tak terhingga.

Seterusnya, terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam menjayakan kajian ini. Semoga sumbangan dan jasa baik kalian mendapat rahmat dari-Nya. InsyAllah.

Rohayah Binti Adiman

ABSTRAK

Laporan projek sarjana ini mempersembahkan hasil kajian yang bertajuk “Indikator Pelajar Cemerlang: Satu Kajian di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sejauhmana pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat yang diwakili oleh pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam cemerlang, mengenalpasti sejauhmana indikator yang dihasilkan sesuai menggambarkan kecemerlangan pelajar aliran kejuruteraan awam sekolah ini serta untuk mengetahui halangan-halangan yang wujud dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dan cara mengatasinya. Responden adalah terdiri daripada guru, staf sokongan sekolah dan 80 orang pelajar tingkatan empat dan lima aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Indikator yang dihasilkan dapat dijadikan sebagai satu piawaian yang dapat menjadi panduan samaada pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat yang diwakili oleh pelajar-pelajar aliran kejuruteraan Awam itu cemerlang atau tidak. Borang soal selidik diedarkan untuk mendapatkan maklumat dan program SPSS 11.0 for windows (*Statistical Package for the social Science Version 11.0*) digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi. Data dianalisis dan dikemukakan dalam bentuk analisis statistik secara deskriptif iaitu taburan skor min dan peratusan. Dapatan menunjukkan hampir keseluruhan responden menyatakan pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat cemerlang dan indikator yang dihasilkan sesuai digunakan. Responden pelajar telah memilih masalah disiplin pelajar yang kurang memuaskan sebagai halangan utama dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar sementara guru dan staf sokongan pula memilih faktor guru yang selalu menanggung kelas kerana terlalu sibuk dengan aktiviti di peringkat sekolah dan daerah sebagai halangan utama dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat.



REPPUSSTAWAAN TINGKU AMINAH

ABSTRACT

This report represents a survey study conducted at Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat entitled “ Indicator of Excellent Students in Technical Schools”. The aims of this study are firstly to identify whether students in this school excellent or not. Secondly, is to analyze whether the indicator selected suitable to describe the excellent students and the last aim is to identify the barriers and problem solving in order to build excellent students. Respondents that were chosen as a sample include teachers, schools staffs and 80 form four and five students from Civil Engineering course. It’s hoped that the indicator produced would be helpful as guidance in determining the level of excellent students in the future. Questionnaires were used in data generation that was version 11 (SPSS). The data is analyzed and represented descriptively using min and percentage. Findings showed that most respondents agreed those students in Civil Engineering course in Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat excellent and the indicator chosen suitable in this research. Students have chosen discipline as barriers to increase the number of excellent student. Teachers and schools staffs have chosen participating of almost teachers in non-academic activities as a barrier to increase the number of excellent student at Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat.



PEPATAH MUTIAMA
PERPUSTAKAAN FUNKTION AMINAH

KANDUNGAN

BAB PERKARA MUKA SURAT

PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii

BAB I PENGENALAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Masalah	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan kajian	5
1.5 Objektif kajian	6
1.6 Skop kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	8
1.8 Andaian dan Batasan kajian	9



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.9	Kerangka Teori	9
1.10	Definisi istilah dan operational	11
1.11	Kesimpulan	13

BAB II KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	14
2.2	Sekolah Berkesan	16
2.3	Pelajar Cemerlang	18
2.3.1	Pengurusan masa	19
2.3.2	Pengaruh kecerdasan emosi	22
2.3.3	Peranan pengetua	24
2.3.4	Peranan pendidik	26
2.4	Iklm sekolah	32
2.4.1	Pengurusan fizikal dan iklim persekolahan	33
2.4.2	Budaya dan iklim sekolah	34
2.5	Kesimpulan	35

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	36
3.2	Rekabentuk kajian	36
3.3	Subjek kajian	37
3.4	Instrumen kajian	38
3.5	Kajian Rintis	39
3.6	Proses pengumpulan data	40
3.7	Kaedah Analisis Data	40
3.8	Andaian	41



BAB IV REKABENTUK DAN PENILAIAN PRODUK

4.1	Pendahuluan	42
4.2	Latar belakang Teori Penghasilan Produk	43
4.2.1	Penghasilan Manual	43
4.2.2	Objektif indikator	43
4.2.3	Pembinaan indikator	43
4.3	Rekabentuk Produk	
4.3.1	Bentuk dan ciri produk	44
4.3.2	Kronologi pembangunan produk	45
4.3.3	Permasalahan Dalam Membina Produk	45
4.4	Penilaian Produk	
4.4.1	Pemilihan dan pembinaan instrumen untuk Menilai produk	46
4.4.2	Pemilihan sampel kajian yang akan menilai produk	47
4.4.3	Fokus Penilaian	48
4.4.4	Cadangan pembaikan	48

BAB V ANALISIS DATA

5.1	Pengenalan	50
5.2	Prosedur yang digunakan untuk menganalisis data	51
5.3	Dapatan kajian	52
5.3.1	Kecemerlangan pelajar	
5.3.1.1	Skor min pelajar	53
5.3.1.2	Skor min guru dan staf sokongan	55
5.3.2	Kesesuaian Indikator	57
5.3.1.1	Skor min pelajar	58
5.3.1.2	Skor min guru dan staf sokongan	61
5.3.3	Halangan dan cara mengatasi	63
5.3.3.1	Peratus pelajar	64



5.3.3.2	Peratus guru dan staf sokongan	65
5.4	Latar belakang responden	69
5.4.1	Pelajar	
5.4.1.1	Jantina	69
5.4.1.2	Tingkatan	69
5.4.1.3	Keputusan PMR	70
5.4.2	Guru dan Staf sokongan	71
5.4.2.1	Jantina	72
5.4.2.2	Bangsa	72
5.4.2.3	Pengalaman kerja	73

BAB VI PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

6.1	Pendahuluan	74
6.2	Perbincangan dan kesimpulan hasil kajian	75
6.2.1	Kecemerlangan pelajar	75
6.2.2	Kesesuaian Indikator	76
6.2.3	Halangan dan cara mengatasi	77
6.3	Cadangan	
6.3.1	Cadangan untuk Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat	78
6.3.1.1	Keperluan kepada Indikator	79
6.3.1.2	pengekaji akan datang	80
6.4	Penutup	81

RUJUKAN	82
----------------	-----------

LAMPIRAN A-I	88
---------------------	-----------

SENARAI JADUAL

NO.JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kaedah Analisis Data	41
4.1	Kronologi Indikator Pelajar cemerlang aliran Kejuruteraan Awam	41
5.1	Bilangan Item Mengikut Bahagian	51
5.2	Tafsiran Min	51
5.3	Skor Min Kecemerlangan Pelajar	53
5.4	Skor Min Guru dan Staf Sokongan	55
5.5	Skor Min Maklum Balas Indikator Pelajar	58
5.6	Skor Min Guru dan Staf Sokongan Terhadap Indikator	61
5.7	Peratusan Pelajar Terhadap Halangan dan cara Mengatasinya	64
5.8	Skor Peratusan Guru dan Staf Sokongan Terhadap Halangan	65
5.9	Skor Peratusan Pelajar Bagi Cara Mengatasi	66
5.10	Skor Peratusan Guru dan Staf Sokongan Bagi Mengatasi Halangan	67
5.11	Taburan Responden Mengikut Jantina	70
5.12	Taburan Responden Mengikut Keputusan PMR	71
5.13	Taburan Responden Guru mengikut Jantina	72
5.14	Taburan Responden Guru dan Staf Sokongan Mengikut Bangsa	72
5.15	Jadual responden Guru dan Staf Sokongan Mengikut Pengalaman Kerja	73

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori Indikator Pelajar cemerlang	10



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Menjadi pelajar cemerlang sememangnya menjadi impian setiap individu yang bergelar pelajar. Sejak bertahun-tahun dahulu peranan sekolah sebagai institusi yang berperanan melahirkan individu yang cemerlang sememangnya tidak dinafikan lagi. Menurut Abdul Hamid Awang Nor (2001), tuntutan ibu bapa dan masyarakat terhadap sekolah semakin tinggi terutamanya dalam mencapai keputusan yang cemerlang untuk anak-anak mereka. Selain itu, keadaan negara yang semakin membangun terutamanya dalam bidang ekonomi juga semestinya memerlukan pelajar yang cemerlang di dalam bidang akademik untuk memenuhi tenaga kerja mahir dan profesional di dalam membangunkan negara.

Bagi menyahut cabaran tersebut, sekolah termasuklah Sekolah Menengah Teknik sebagai salah satu institusi yang menjalankan pendidikan teknik dan vokasional telah mengambil pelbagai inisiatif untuk memastikan pelajar cemerlang dapat dibentuk. Menurut Shahril Marzuki (1998), Sekolah Menengah Teknik yang dahulunya iaitu di

dalam sekitar tahun 1980-an kurang menjadi pilihan ibu bapa dan masyarakat untuk anak mereka kini semakin mendapat perhatian kerana kemampuannya melahirkan ramai pelajar cemerlang.

Menyedari hakikat kepentingan sekolah dalam melahirkan pelajar yang cemerlang ini, Kementerian Pendidikan telah mengambil inisiatif dengan memberi penghargaan khas kepada sekolah-sekolah yang cemerlang dalam pencapaian akademik yang digelar sebagai “Sekolah Harapan Negara”. Akibat dari penghargaan itu, maka berlakulah persaingan yang sihat di antara sekolah-sekolah untuk memastikan pencapaian para pelajarnya dalam bidang akademik meningkat bukan hanya dari segi kuantiti tetapi juga kualiti. Bertitik tolak dari situasi inilah, istilah “sekolah berkesan” lazimnya di ukur dan dinilai dari segi kejayaan atau pencapaian di dalam peperiksaan (Hussein Mahmood, 1993), yang mana sekolah yang tidak mencapai tahap akademik yang tinggi, lazimnya dikategorikan sebagai sekolah yang kurang berkesan.

Menurut Jamilah Abdul Hamid (2001), pembentukan pelajar cemerlang pada hari ini, sememangnya menjadi semakin kompleks terutamanya dalam menghadapi arus globalisasi dan permodenan yang mana kecemerlangan bukan hanya diukur dari kecemerlangan akademik bahkan turut meliputi kecemerlangan akhlak dan akidah. Matlamat ini adalah bersesuaian dengan matlamat Falsafah Pendidikan Negara iaitu melahirkan masyarakat yang bukan hanya seimbang dari segi intelek bahkan juga rohani dan jasmani.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

1.2 Latar Belakang Masalah

Perbincangan dan diskusi perihal kecemerlangan sememangnya sesuatu yang lazim di dalam dunia pendidikan. Kecemerlangan sekolah, guru dan seterusnya pelajar merupakan suatu elemen yang seringkali di ambil perhatian bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan sendiri bahkan masyarakat keseluruhannya. Menurut Hussein Mahmood (1993), biasanya sesebuah sekolah yang dapat menghasilkan ramai pelajar berjaya dalam peperiksaan awam dikatakan sekolah yang baik dan cemerlang. Atas dasar inilah Sekolah Menengah Teknik dikenali, dihormati dan diingati oleh masyarakat lantaran kecemerlangan akademik yang dicapai oleh pelajar-pelajarnya.

Menurut Mohamad bin Muda (1998), dekad ini pelajar cemerlang merupakan aset yang sangat berharga bukan sahaja kepada ibu bapa bahkan juga kepada bangsa dan negara. Pelajar cemerlang merupakan pemangkin di dalam kemajuan negara bukan hanya dalam bidang ekonomi bahkan juga di dalam bidang politik dan keselamatan negara (Tajul Ariffin Nordin dan Nor Aiini Dan, 2002). Di dalam mengharungi arus permodenan, terutamanya hasil kemajuan di dalam bidang Sains dan Teknologi, kepentingan pelajar cemerlang terutamanya dalam bidang akademik sememangnya tidak dapat di sangkal lagi. Kepentingan pelajar cemerlang kepada negara ini dibuktikan di dalam ucapan Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed (Azrinaz Mazhar Hakim, 2002) di London tentang betapa perlunya pelajar menguasai bidang sains dan Teknologi untuk kepentingan negara bagi memastikan negara tidak terus ketinggalan berbanding negara-negara lain.



PERPUSTAKAAN FUNKTION AMINAH

Keputusan yang cemerlang sememangnya sesuatu yang lazim di Sekolah Menengah Teknik. Lantaran itu, pihak Sekolah Menengah Teknik sendiri amat menitikberatkan peratusan keputusan peperiksaan yang baik kerana ia akan dapat menaikkan nama sesebuah sekolah itu. Walau bagaimanapun, dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan akademik kadangkala beberapa elemen penting dalam pembentukan pelajar seakan-akan dipinggirkan oleh pihak sekolah samaada sedar atau tidak seperti aspek keselamatan, disiplin, kemudahan dan sebagainya.

Lantaran pengabaian itu, ia sedikit sebanyak memberi kesan kepada pembentukan pelajar cemerlang amnya dan generasi seimbang khasnya kerana menurut Syed Agil syed Rozali dan Mohd Yunus Ariffin (2000), pembentukan pelajar cemerlang dan generasi hari ini bukan hanya memerlukan kecemerlangan akademik bahkan turut memerlukan kecemerlangan akhlak dan akidah.

Oleh itu, jelas ketiga-tiga komponen tersebut amat penting dalam melahirkan pelajar cemerlang bukan hanya di Sekolah Menengah Teknik bahkan semua sekolah yang ada di seluruh negara yang mana selain kecemerlangan akademik, kecemerlangan akhlak dan akidah turut di ambil kira. Penekanan kepada ketiga-tiga elemen ini hakikatnya, bukan hanya mampu melahirkan pelajar yang menjadi kebanggaan sekolah dan ibu bapa bahkan mereka ini amat berharga kepada bangsa dan negara.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

1.3 Pernyataan Masalah

Kemampuan sekolah di dalam melahirkan pelajar yang cemerlang akademik sememangnya sesuatu yang tidak perlu dipersoalkan. Setiap kali keputusan peperiksaan diumumkan di seluruh negara peningkatan keputusan pelajar-pelajar dapat dilihat meningkat saban tahun. Salah satu institusi pendidikan yang mendapat perhatian masyarakat adalah Sekolah Menengah Teknik yang mana kecemerlangan akademik pelajar-pelajarnya sememangnya tidak dapat disangkal lagi.

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini suatu fenomena baru wujud di dalam Sistem Pendidikan di negara ini iaitu “gegsterism”. Saban hari dapat dilihat bilangan pelajar yang menjadi mangsa pelajar-pelajar ini meningkat dari sehari ke sehari terutamanya di sekolah-sekolah berasrama termasuklah Sekolah Menengah Teknik. Oleh itu, sejauhmanakah kebenaran yang mengatakan pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik cemerlang? Adakah kecemerlangan mereka ini hanya cemerlang akademik atau juga cemerlang dari segi disiplin, sahsiah, kepimpinan dan perhubungan sosial.

Maka, kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana pelajar-pelajar Sekolah menengah Teknik cemerlang dan seterusnya mengumpulkan indikator-indikator pelajar cemerlang Sekolah Menengah Teknik. Kajian kes dilakukan di Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat yang mana pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam telah dipilih untuk mewakili keseluruhan pelajar untuk melihat kesesuaian indikator yang dihasilkan serta mengenalpasti apakah halangan-halangan yang wujud dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar dan cara mengatasinya.



PERPUSTAKAAN TUNJUKKAN AMINAH

1.4 Persoalan kajian

Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh pengkaji dalam kajian ini adalah:

- (i) Sejauhmanakah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat aliran kejuruteraan awam cemerlang?
- (ii) Sejauhmanakah indikator yang dihasilkan sesuai menggambarkan kecemerlangan pelajar aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat?
- (iii) Apakah halangan-halangan yang wujud dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat dan cara mengatasinya?



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

1.5 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini adalah:

- (i) Untuk mengetahui sama ada pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat cemerlang.
- (ii) Untuk menyenaraikan indikator pelajar cemerlang aliran kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat
- (iii) Untuk mengetahui halangan-halangan di dalam meningkatkan kecemerlangan pelajar aliran kejuruteraan awam dan seterusnya langkah-langkah untuk mengatasi

1.6 Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima aliran kejuruteraan awam untuk mewakili keseluruhan pelajar termasuk guru-guru dan staf sokongan Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat. Pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima aliran kejuruteraan awam menjadi skop kajian kerana pelajar-pelajar pada tahap ini telah melalui dua peperiksaan besar iaitu UPSR dan PMR. Maka, indikator pelajar cemerlang akan lebih mudah untuk dikenal pasti.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti indikator pelajar Cemerlang aliran kejuruteraan awam di Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat. Hasil yang diperolehi nanti diharap akan membantu pelajar menilai kebolehan diri sendiri dan seterusnya menggunakannya untuk meningkatkan lagi pencapaian akademik mereka dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik sekolah.

Dapatan yang diperolehi dari kajian ini juga diharap akan membantu memantapkan lagi proses pengajaran pendidik dalam profesyen perguruan dari segi teknikal, interaksi dengan manusia dan konseptual. Ia juga diharap akan membantu pihak pengurusan dan pentadbiran sekolah dalam merancang program yang lebih berkesan untuk mencapai indikator pelajar cemerlang.

Selain itu, dapatan yang diperolehi dari kajian ini juga diharap boleh memberi gambaran tahap kebolehan dan kemahiran yang ada dikalangan pendidik terutamanya guru-guru di bahagian teknik dan vokasional. Ia juga boleh digunakan sebagai panduan kepada pelajar-pelajar Sarjana Muda Pendidikan dan Diploma Pendidikan yang bakal menjadi pendidik kelak keadaan persekitaran sekolah berkesan yang mana individu boleh menjangka corak, persekitaran dan keperluan tugas seorang guru pada alaf yang mencabar ini.


1.8 Andaian dan Batasan Kajian

Dalam kajian ini segala jawapan yang diberikan oleh responden diandaikan benar dan responden jujur dalam memberikan jawapan mereka. Kajian ini hanya dijalankan ke atas pelajar-pelajar tingkatan empat dan lima aliran kejuruteraan awam, guru-guru dan staf sokongan Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat. Oleh itu, segala maklumat, keputusan dan rumusan hanya benar di Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat sahaja. Dengan itu keputusan yang diterima tidak mewakili pelajar-pelajar dari sekolah lain di Malaysia.

Indikator pelajar cemerlang aliran kejuruteraan awam yang diperolehi dilihat melalui prestasi akademik pelajar dan faktor-faktor lainnya. Namun begitu, maklumat yang didapati mungkin tidak menggambarkan keseluruhan indikator atau petunjuk pelajar cemerlang yang lain yang ada di Malaysia.

1.9 Kerangka Teori

Kerangka teori bagi kajian ini adalah seperti Rajah 1.1 . Kerangka teori ini diadaptasi daripada Kindler (1994) dan David (1995) (dipetik dalam Saripuddin Mohd Taib,2001). Pembolehubah tak bersandar yang dikenalpasti menyumbang kepada kecemerlangan pelajar ialah kecemerlangan akademik, kepimpinan, sahsiah, kerjasama, dan perhubungan sosial. Manakala pembolehubah bersandar pula ialah indikator pelajar cemerlang Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat.



Rajah 1.1 Kerangka Teori Indikator pelajar cemerlang

1.10 Definisi Istilah dan Operational

1.10.1 Indikator

Menurut Kamus Dewan (1994), indikator bermaksud penunjuk sesuatu yang digunakan sebagai panduan untuk melakukan sesuatu ataupun peringatan rujukan. Dalam kajian yang dilakukan ini, indikator merujuk kepada ciri-ciri yang perlu ada pada seseorang pelajar iaitu pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam di dalam mencapai kecemerlangan.

1.10.2 Pelajar

Berdasarkan kepada Toh (2000), pelajar merupakan individu yang mengalami proses pembelajaran sama ada secara formal atau tidak formal. Pelajar ditakrifkan oleh pengkaji adalah pelajar-pelajar Sekolah Menengah Teknik, Batu Pahat yang terlibat dalam penentuan indikator pelajar cemerlang.

1.10.3 Cemerlang

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Ketiga (1998), cemerlang bermaksud berjaya, berkesan atau merujuk kepada kepandaian yang dimiliki oleh seseorang. Dalam kajian ini cemerlang bermaksud kejayaan atau keberkesanan yang dimiliki oleh pelajar di dalam pembelajaran yang lebih merujuk kepada kejayaan di dalam peperiksaan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUN TUN AMINAH

1.10.4 Sekolah

Sekolah menengah ialah tempat untuk belajar dan mengajar, tempat menerima dan memberi pelajaran yang peringkatnya antara institusi pengajian tinggi dan sekolah rendah (Kamus Dewan, 1994). Ee (1996), pula menegaskan bahawa institusi sekolah bukan sahaja berfungsi untuk menyampaikan ilmu pengetahuan semata-mata, tetapi harus berfungsi untuk memupuk nilai yang penting, mengekalkan peraturan masyarakat serta menggalakkan pemikiran yang kritis dan analitis.

1.10.5 Teknik

Teknik pula ialah pengetahuan yang berkaitan dengan pembuatan barang-barang hasil industri seperti jentera, kenderaan dan bangunan. Menurut Yahya Emat (1993), bidang teknikal akan menyediakan pelajar pengetahuan-pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan dalam sesuatu bidang. Ini penting bagi membolehkan seseorang pelajar itu melanjutkan pelajaran atau memohon pekerjaan di dalam bidang yang diceburi.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU AMINAH

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini adalah untuk meneroka dan mengetahui indikator pelajar cemerlang yang diwakili oleh pelajar-pelajar aliran kejuruteraan awam Sekolah Menengah Teknik Batu Pahat. Setelah itu, mencari pendekatan-pendekatan yang dapat membantu meningkatkan tahap pencapaian indikator pelajar cemerlang di kalangan pelajar yang mana ia seterusnya menjadi pemangkin untuk meningkatkan motivasi pelajar untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran (P & P).



BAB II

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Bab ini membicarakan mengenai sorotan kajian dan penyelidikan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan pelajar cemerlang Sekolah Menengah Teknik yang meliputi petunjuk, kriteria yang perlu ada pada seorang pelajar cemerlang, berkualiti dan berjaya. Sekolah sebagai satu institusi pendidikan seperti yang diketahui ramai adalah suatu sistem sosial yang amat sensitif terhadap kehendak dan aspirasi masyarakat (Ee, 1996). Oleh yang demikian, sekolah menentukan manusia yang dihasilkan untuk masyarakat. Dalam pada itu, sekolah juga menjadi agen sosialisasi, pembudayaan dan pembangunan masyarakat. Tanpa sekolah dapat dikatakan bahawa tidak akan wujud organisasi pendidikan yang lain.



PTTA UTHM
PEPUSAT KAJIAN TUNKU AMINAH

Adalah menjadi matlamat kerajaan Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara yang maju pada tahun 2020. Untuk ini, peningkatan dari teknologi berdasarkan proses yang mudah kepada teknologi yang lebih canggih akan memerlukan kepakaran 153,000 orang jurutera dan pembantu teknik. Jumlah tenaga kepakaran dan pembantu teknik ini pernah dibincangkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Keperluan sumber manusia yang begitu banyak pasti memberi cabaran yang besar kepada pendidikan teknik dan vokasional (PTV). Semasa kegawatan ekonomi yang melanda negara kita, mungkin ada soalan tentang keperluan tenaga kerja di saat kegawatan ini, kerana kita selalu dikhabarkan tentang pekerja-pekerja yang dibuang kerja (Ungku Aziz, 1992).

Oleh itu, hasrat dan harapan negara terhadap pendidikan dalam bidang teknik dan vokasional amat tinggi. Kepincangan di dalam sistem PTV terutamanya dalam ketidakseimbangan teori dan praktis ini akan menghasilkan pelajar yang kurang berketrampilan dan akan melahirkan guna tenaga kerja yang kurang mahir mengakibatkan kekurangan tenaga mahir dan seterusnya akan menyebabkan pertumbuhan industri menjadi lembab dan pengeluaran nasional menjadi rendah. Maka penulisan dalam bab ini merangkumi teori dan kajian-kajian terdahulu yang dapat membantu pengkaji untuk menyokong kajian yang akan dijalankan.



PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

2.2 Sekolah Berkesan

Sekolah berkesan atau “Effective School” merupakan sekolah yang seringkali dikaitkan dengan kecemerlangan akademik (Abdul Karim Mohd Nor, 1989). Menurut Levine dan Lezote (1990) sekolah berkesan merupakan sekolah yang selamat dan teratur di mana kanak-kanak miskin dan kelas pertengahan mendapat pencapaian akademik yang baik. Kenyataan ini disokong oleh Felsenthal (1998) yang mana menurut beliau sekolah berkesan merupakan sekolah di mana majoriti pelajar mendapat keputusan yang tinggi di dalam peperiksaan awam pada peringkat kebangsaan.

Sekolah berkesan dikatakan merupakan sekolah yang mempunyai budaya sekolah yang berbeza berbanding sekolah-sekolah yang lain. Menurut Rahimah Abdul Rahman dan Zulkifli Ali (1996 dalam Abd Ghani Awang, 1999) terdapat empat kriteria untuk mengukur budaya sekolah, sekolah berkesan antaranya termasuklah (a) perhubungan interpersonal, (b) pengajaran dan pembelajaran, (c) pentadbiran, dan (d) kemudahan fizikal. Perkara yang sama turut diakui oleh Broojkover (2000) yang mana beliau meletakkan ukuran budaya sekolah, sekolah berkesan adalah penumpuan yang diberikan kepada (a) penguasaan kemahiran dikalangan pelajar, (b) jangkauan tinggi terhadap pelajar, (c) pengiktirafan kerana kejayaan akademik dan (d) disiplin yang dilaksanakan dengan adil.



Masyarakat sememangnya memandang tinggi keupayaan sekolah berkesan untuk melahirkan pelajar cemerlang. Kemampuan sekolah berkesan untuk melahirkan pelajar cemerlang ini sememangnya tidak dapat disangkal lagi. Sekolah berkesan bukan sahaja berperanan sebagai institusi pendidikan bahkan ia berfungsi sebagai institusi untuk melahirkan suatu suasana pembelajaran yang aman dan harmonis (Abdul Karim Mohd Nor, 1989).

Menurut Tajul Arrifin Nordin dan Nor Aini Dan (2002), sekolah berkesan merupakan sekolah yang menyediakan suasana pembelajaran yang menggalakkan dan berkesan yang mana pelajar berpeluang untuk mengembangkan potensinya ke tahap yang maksimum. Sehubungan dengan itu, jelas yang sekolah berkesan itu mampu untuk melahirkan pelajar cemerlang dalam bidang akademik melalui bantuan daripada guru, peranan pengetua dan kemudahan fizikal yang terdapat di dalamnya.

Sungguhpun terdapat banyak kajian dan penyelidikan tentang sekolah berkesan dan kaitannya dengan pelajar cemerlang. Namun, hasil kajian Abdul Karim Mohd Nor (1989) jelas menunjukkan perbezaan di antara sekolah berkesan dan sekolah yang kurang berkesan yang mana ia boleh dilihat melalui :

- a. Kemahiran kepimpinan pengetua
- b. Persepsi peranan pengetua
- c. Pengalaman sebagai pengetua
- d. Strategi pembangunan yang digunakan di Sekolah
- e. Penglibatan ibu bapa
- f. Jangkaan guru terhadap pelajar
- g. Pandangan guru terhadap sekolah
- h. Displin pelajar

Dapatan daripada kajian ini merealisasikan tanggapan yang sekolah berkesan mempunyai iklim sekolah yang positif dari keempat-empat dimensi yang dikaji berbanding sekolah yang tidak berkesan. Menurut Stoll dan Fink (1996) sekolah berkesan lazimnya mempunyai norma-norma tertentu yang dibina oleh warganya berasaskan nilai dan kepercayaan warganya tentang apa yang dianggap penting dan menjadi cara hidup sekolah. Dengan adanya norma-norma dan budaya sekolah yang lengkap inilah, pembentukan pelajar cemerlang sekolah berkesan agak mudah diukur dan digambarkan berbanding sekolah-sekolah lain.

2.3 Pelajar cemerlang

Kecemerlangan pelajar atau kriteria pelajar cemerlang sememangnya seringkali dikaitkan dengan kejayaan yang cemerlang di dalam peperiksaan khususnya peperiksaan yang besar seperti UPSR, PMR, SPM mahupun STPM. Menurut Mohamad bin Muda (2000), sistem persekolahan di Malaysia yang mementingkan peperiksaan menyebabkan kriteria pelajar cemerlang di negara ini lebih kepada pencapaian akademik berbanding ciri-ciri yang lain.

Walau bagaimanapun, ini berbeza berbanding dengan negara-negara lain khususnya di Amerika yang mana menurut Schreens (1999), kriteria pelajar cemerlang sebenarnya terletak bukan hanya pada kecemerlangan akademik bahkan ia juga meliputi kemampuan pelajar tersebut mengimplicasikan apa yang telah mereka pelajari sepanjang tempoh pembelajaran.

Pembentukan pelajar cemerlang sememangnya tidak dinafikan kepentingannya. Menurut Rahman Jaafar dan Aishah Abd Halim (2001 dalam Omardi Ashaari,2002) pelajar cemerlang merupakan pelajar yang sentiasa membuat persediaan awal sebelum datangnya peperiksaan, sentiasa menghormati guru, menjaga kesihatan badan dan sentiasa mengingati Allah s.w.t dalam apa jua keadaan.

Kenyataan ini sama seperti yang diutarakan oleh Evans (1991) mengenai pelajar cemerlang yang mana pelajar cemerlang menurut Evans berbeza berbanding pelajar yang lain kerana kemampuan mereka dalam mengaktifkan dan menggunakan ketiga-tiga komponen utama pembelajaran iaitu kognitif, affektif dan psikomotor.

Terdapat pelbagai faktor yang menyumbang ke arah pembentukan pelajar cemerlang ini. Menurut Tajul Arifin Nordin (2000), antara faktor yang banyak menyumbang pembentukan pelajar cemerlang selain persekitaran persekolahan, pengurusan masa, emosi, peranan pengetua, guru dan seterusnya sokongan ibu bapa juga amat memainkan peranan yang penting.

Hakikatnya,terdapat banyak teori yang menunjukkan kecemerlangan pelajar bukan hanya bergantung kepada kebolehan semulajadi bahkan disumbangkan oleh faktor-faktor yang lain antaranya teori perkembangan Etika dan Kognitif (Perry, 1970 dalam Sayuthi,2000) yang mana mendapati emosi pelajar dipengaruhi oleh sistem nilai diri dan nilai komitmen dari dalam dirinya. Ini bererti, sekiranya seseorang pelajar itu terdedah kepada persekitaran pembelajaran yang positif, ia akan menyumbang kepada keseimbangan emosi dan seterusnya menyumbang kepada kecemerlangan pelajar. Antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada kecemerlangan pelajar meliputi:



2.3.1 Pengurusan Masa

Dalam kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik pendidikan, pengurusan masa yang diatur oleh pelajar sebenarnya mempunyai hubungan dengan kecemerlangan pelajar. Keadaan ini dapat dilihat menerusi penyelidikan yang telah dilakukan oleh Bette Anne (1985), yang mendapati perkaitan yang rapat di antara pengurusan masa dengan kemahiran belajar. Menurut beliau, untuk mencapai kejayaan dalam apa jua yang mahu dilakukan terutama dalam akademik, kita perlu mengurus masa dengan lebih baik dan bersistematik.

Bagi mencapai kecemerlangan khususnya untuk menjadi pelajar yang cemerlang pengurusan masa yang efektif dan sistematik amat penting bagi seorang pelajar. Menurut Rahman Jaafar dan Aishah Abd Halim (2001 dalam Omardi Ashaari, 2002) perbezaan di antara pelajar cemerlang dengan pelajar yang lain ialah kemampuan mereka mengurus masa belajar mereka dengan sistematik selain disiplin yang tinggi untuk mematuhi.

Pernyataan ini diperkukuhkan melalui kajian yang telah dilakukan oleh Kathleen Cotton (1997). Beliau dalam penyelidikan yang bertajuk '*using School Time Productively*' menyatakan bahawa terdapat hubungan yang rapat di antara jumlah masa yang diperuntukkan oleh pelajar di dalam aktiviti belajar dengan pencapaian akademik. Beliau turut menyatakan bahawa untuk memperolehi pencapaian tertinggi, sekolah perlu menekankan garis masa yang tertentu dan memaksimumkan penggunaan masa dengan beberapa aktiviti.

Menurut Robert Merry (1965 dalam Saripuddin Mohd Taib,2001), cara yang boleh digunakan untuk mengurus masa dengan baik, berkesan dan sempurna ialah dengan membuat jadual waktu atau jadual kerja. Ia boleh dibuat dalam bentuk jadual waktu harian, mingguan, bulanan, tahunan dan ia juga boleh bergantung kepada aktiviti terpenting yang hendak dicapai atau dilaksanakan.

Perkara yang sama turut diakui oleh Barrass (1990), yang mana menurut beliau untuk menjadi cemerlang, jadual waktu atau jadual kerja merupakan salah satu faktor utama yang menentukan kejayaan khususnya dalam bidang akademik. Penggunaan jadual waktu sebenarnya banyak membantu pelajar melaksanakan perancangan sama ada dalam pelajaran atau aktiviti-aktiviti yang lain yang lebih mudah, teratur serta sistematik. Namun kejayaan pelaksanaan jadual waktu ini turut dipengaruhi oleh inisiatif pelajar itu sendiri untuk melaksanakannya.

Kehidupan sebagai seorang pelajar sering terikat dengan tanggungjawab terhadap pembelajaran disamping pelbagai aktiviti lain yang menuntut komitmen yang baik daripada mereka. Oleh itu, pelajar perlu ada perancangan untuk melaksanakan setiap aktiviti tersebut serta mereka harus bijak membahagikan masa dengan seimbang bagi setiap aktiviti. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Noraini Ahmad (1994) setiap pekerjaan perlu ada perancangan supaya dapat dilaksanakan mengikut masa yang telah ditetapkan. Setiap perancangan pula seharusnya mempunyai matlamat khusus. Dengan adanya matlamat ini, objektif kerja dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik.

Untuk menjadi seorang pelajar yang cemerlang, pelajar harus bijak mengurus dan memanfaatkan masa yang dimiliki dengan sepenuhnya. Bagi tujuan itu, pelajar perlu mengetahui teknik-teknik pengurusan masa yang baik serta teknik pembelajaran yang berkesan dan seterusnya mengimplikasikan pengetahuan tersebut dalam kehidupan seharian. Namun, begitu pelajar perlu berusaha dengan bersungguh-sungguh agar kecemerlangan yang diinginkan itu menjadi milik pelajar (Norlida Abd Rahman dan Zurina Ahmad, 1994).

Kejayaan seorang pelajar banyak bergantung kepada sejauhmana komitmen mereka ke arah kecemerlangan. Menurut Padilah Hj. Ali (1994), perancangan harus di buat dengan teliti agar apa yang dipelajari dapat difahami dan digunakan dengan teratur dan kemas. Kemahiran belajar yang berkesan adalah amat penting dalam proses pembelajaran. Pelajar perlu mencari satu teknik belajar yang betul agar proses pembelajaran yang dilakukan memberi input yang positif kepada mereka. Menurut Hounsel (1997, dipetik dari Azmi Ahmad, Zuridah Ariffin, Sahri Ahmad dan Kamal Abu Hassan, 2002), pensyarah atau guru perlu memainkan peranan mereka dengan menyatakan kepada pelajar faedah yang akan mereka perolehi sekiranya mereka menggunakan strategi atau teknik belajar yang betul.

2.3.2 Pengaruh kecerdasan emosi

Kecerdasan emosi dan pelajar cemerlang sememangnya merupakan komponen yang saling berkaitan di antara satu sama lain. Kecerdasan emosi merupakan satu cara untuk menentukan kebijaksanaan yang dimiliki oleh individu. Ia meliputi keupayaan seseorang mengguna dan mengawal perasaan dan emosinya dalam membuat keputusan yang baik dalam kehidupan. (Daniel Goleman, 1996)

Pada umumnya, emosi merangkumi lima elemen dominan. Pertama ialah kesedaran untuk mengenal perasaan diri sendiri. Kedua ialah kemampuan mengendalikan emosi untuk membuat keputusan yang bijaksana dalam kehidupan seharian. Ketiga ialah kebolehan empati, iaitu kemampuan untuk meletakkan diri sendiri ditempat orang lain yang berada disekeliling kita. Keempat ialah kemahiran sosial iaitu mempunyai perhubungan manusia yang baik serta berupaya meyakinkan atau memimpin orang lain. Kelima ialah motivasi diri sendiri.

Kemampuan mengendalikan kecerdasan emosi adalah satu cara yang berbeza daripada faktor-faktor lain sama ada dalam diri atau luaran untuk menjadi bijak. Menurut Daniel Goleman lagi terdapat perhubungan di antara kecerdasan emosi dan kemahiran dalam menentukan kejayaan pelajar dalam akademik.

Pengaruh kecerdasan emosi sememangnya jelas mempengaruhi kecemerlangan pelajar. Menurut Simpson (1991) kecerdasan emosi mempunyai hubungan yang rapat dengan komitmen organisasi yang mana ia merujuk kepada komitmen pembelajaran. Beliau menyatakan, kegagalan emosi untuk menangani konflik bukan hanya memberi jaminan kegagalan bahkan ia juga akan menjadi limitasi kepada seseorang itu untuk memberikan hasil yang positif.



2.3.3 Peranan pengetua

Dalam usaha untuk mencapai kecemerlangan di dalam pendidikan, sama ada di negara kita mahupun di negara-negara lain, kepimpinan pengetua atau guru besar sememangnya sering dilihat sebagai fokus utama. Iklim persekolahan yang baik dan konduktif banyak dikaitkan dengan gaya kepimpinan pengetua atau guru besar.

Menurut Abbas Ahmad (1997), pengetua atau guru besar sememangnya merupakan mereka yang bertanggungjawab memastikan kaedah yang berkesan dalam pembelajaran dicapai oleh setiap pelajar, menggunakan markah ujian untuk membuat keputusan tentang penyelesaian masalah pelajar di sekolah, boleh menganalisis dan menafsir data keputusan peperiksaan secara terperinci dengan guru-guru mata pelajaran dalam bentuk yang ringkas dan seterusnya mampu mengawal dan melindungi waktu pengajaran.

Gelter (2000), turut mengakui kepentingan pengetua atau guru besar dalam memastikan kecemerlangan sekolah yang mana menurutnya pengetua dan guru besar sebenarnya memainkan peranan yang amat penting bukan hanya kepada guru bahkan kepada pelajar dan seluruh warga sekolah. Gelter telah membahagikan peranan pengetua kepada lima yang mana ia dikelaskan berdasarkan persepsi guru iaitu sebagai (a) ahli falsafah pendidikan iaitu sebagai bahan rujukan, (b) sebagai model untuk mengubah tingkah laku, (c) penyokong pendidikan, (d) rakan sependidikan dan (e) orang yang memulakan perubahan pendidikan.

RUJUKAN

Abbas Ahmad (1997). *Pengetua dan tugasnya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Abd Ghani Awang (1999). *Kemahiran belajar di institusi pengajian tinggi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Abdul Hamid Awang Nor (2001). *Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka

Abdul Karim Mohd Nor (1989). *Hubungan di antara sekolah berkesan dengan sekolah Kurang berkesan: Kajian Tinjauan di empat buah sekolah luar bandar di Negeri Selangor*. UPM: Projek sarjana

Ahmad Shariffaden (2000). majlis pelancaran cikguNet. Dipetik pada Ogos 8, 2002
Dari World Wide Web:
http://www.cikgu.net/malay/sepintas_lalu/ucapan.php3

Angalin, L. W. (1998). *Teaching What It's All About*. New York: Harper dan Row

Azmi Abdullah (1996). *Perkembangan pendidikan guru di semenanjung Malaysia*. Petaling Jaya: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd

Azmi Ahmad, Zuraidah Ariffin, Shari Ahmad dan Prof. Dr. Kamal Abu Hassan (2002). *Gaya belajar, kemampuan intelektual dan gelagat sosial: Satu kajian awal Terhadap pelajar-pelajar melayu yang cemerlang*. Universiti Teknologi Mara: Thesis

Azrinaz Mazhar Hakim(2002). *Tugas dan cabaran guru*. Internet Presentation unit, TV3.Dipetik pada Julai 12,2002.Dari laman World Wide Web:
<http://www.tv3.com.my/news/bu/may2002/5-berita7.html>

Barass R. (1990) *Effective used of managment*.Great Britain: Belmont Press

Bette Anne,C (1985).Developing reading efficiency.third edition.USA:Library Of Congress

Broojkover (2000). *Effective schooling: Theory and practice*.London : Cassel

Cruickshank,D.(1995).The Act Of Teaching.New York:McGraw Hill,Inc.

Daniel Goleman,S(1996).Primary teachers stress.London:Rowtledge Falmer

Ea Ah Meng (1996).Siri Diploma Perguruan:Psikologi Pendidikan 1.Shah Alam:
Fajar Bakti

Edmonds,W & Villanova,S (1999). Future of education. New York: Continuun

Evans,G.(1991) *Teaching and learning cognitive skills*.London: Acer

Farid Ismail(1991).Guru dengan tugasnya.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

Felsenthal,K.(1998). *Effective School*.Boston: Allyn and Bacon

Gelter,R.(2000).Study A Guide to effective study. *Times*.Januari.ms30-34

Hizuan Rozali (2001).Wawasan pendidikan,Kuala Lumpur: Cahaya pantai Publishing
Sdn.Bhd



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Hussein Mahmood (1993). *Pengantar psikologi: Satu pengenalan asas kepada jiwa Dan tingkah laku manusia*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan pustaka

Ibrahim Abu Shah (1995). *Kesedaran dan persepsi pelajar luar bandar terhadap Pembangunan Sumber manusia di sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Internet presentation Unit, TV3 (2002). Tingkatkan penguasaan ilmu .Dipetik pada Julai 31, 2002 dari World Wide Web:
<http://www.tv3.com.my/news/bu/may2002/10-berita5.html>

Jamilah Abdul Hamid (2001). *Tujuh cabaran utama pendidikan* Kementerian pendidikan Malaysia. Dipetik pada Ogos 1, 2002 dari World Wide Web:
http://myschoolnet.ppk.kpm.my/gr/buletin/cabaran_utama.htm

Kamus Dewan. Edisi Ketiga (1994) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Levine, J & Levote, M. (1990). *Education psychology: Theory and Practice* (4th Edition). Massachusetts: Alfy and Bacon

Mcnergney, S. & Herbert, R. (1998). *Sociology of educating*. Third edition. London:

Mohamad Muda. (1998). *Kurikulum latihan guru dikaji*. Journal Dewan Masyarakat. (Mei 2001), m.s 18-19

Mohamed Ariffin (1999). *Reformasi pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise

Mohamad Najib. A. Ghafar (1999).Penyelidikan pendidikan.UTM, Skudai, Johor

Mohd Majid Konting (2000). Kaedah penyelidikan pendidikan. DBP: Kuala Lumpur

Mohd Zahid Anuar(1990).Pengetua sekolah menengah, isu dan cabaran kepimpinan.
Petaling Jaya:Kumpulan Budiman Sdn.Bhd

Mok Soon Sang.(2000).*Pendidikan di Malaysia*.Kuala Lumpur:Kumpulan Budiman
Sdn.Bhd

Noraini Ahmad.(1994).Pendidikan Dan Masyarakat Antara Dasar Reformasi Dan
Wawasan.Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norazam Baharom.(1993).Kamus Dewan.Edisi ketiga.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka.

Norlida Abd Rahman & Zurina Ahmad (1994).Pengurusan masa berkesan hebat.
Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka

Noorsuriani Nazrudin (2000). *Penglibatan pelajar dalam kegiatan ko-kurikulum*
Sukaneka:Satu tinjauan di ITTHO. Kajian kes sarjana, ITTHO

Omardin Ashaari (1998). *Pengurusan masa*.Kuala Lumpur:Utusan Publication &
Distributors Sdn.Bhd

Omardin Ashaari (2002).*Pengurusan sekolah*.Kuala Lumpur: Utusan Publications &
Distributors Sdn.Bhd

Padilah Hj.Ali.*Teknik belajar untuk kejayaan*.Selangor:Dewan Bahasa dan Pustaka

Rahim Abdul Hamid.(1998).Keperluan Pendidikan Abad Ke-21 Projek
Sekolah Bestari.*Kerja seminar isu-isu pendidikan negara*.Universiti

Robert,F(1994). Teaching skills.Singapore:Academic Publications

Saiful Baharee Salleh(1998).*Tinjauan terhadap kemahiran belajar*.Universiti Teknologi Malaysia:Thesis

Saniah Sayuthi (2000).Psikologi pendidikan.Johor Bharu:Cetak Ratu Sdn.Bhd

Saripudin Mohd Taib (2001). *Mengkaji corak pengurusan masa: Kaitannya dengan Prestasi Akademik dan peribadi pelajar*. UTM: Projek Sarjana

Saripuzan Kosnin (2000).Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.Kuala Lumpur: Longman

Shahril Marzuki (1998). Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur.Utusan Publication Sdn.Bhd

Stoll,L & Fink W. (1996). College study skills.USA: Washington Publishing Co.

Sutherland (1992).Pedagogy.Forth edition.USA: Holt,Rinehart & Winston,Inc

Tajul Ariffin Nordin (2000).Pendidikan di alaf baru.Edisi ketiga: Fajar Bakti Sdn.Bhd

Tajul Ariffin Nordin. & Nor Aini Dan (2002) *Pendidikan dan pembangunan manusia.Edisi pertama*:Bangi:As-Syabab

Toh Hon Leong.(2000).Rahsia pelajar cemerlang.Edisis pertama.Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd.



PTTA UTM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

Ungku Aziz (1992). Human Resource Development-The Key Towards A Developed And Industrialised Society. The Star. Januari 20, 1992

Wan Ibrahim Wan Hassan(1998). Peranan, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah. Kuala Lumpur:Utusan Publications

William ,w. (2000). Research methods in education. 7th edition.Needham height. MA.Allyn & Bacon

Woolfolk,l.w.(1998).Education psyhology.6th edition.Needham height.MA.Allyn & Bacon

Yahya Emat (1993). Pendidikan teknik & Vokasional di Malaysia. IBS Buku. Kuala Lumpur



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH